




Halaqa: Islamic Education Journal 2 (1), Juni 2018, 01-11
ISSN 2503 – 5045 (online)
Journal Homepage: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/halaqa>
DOI Link: <http://doi.org/10.21070/halaqa.v1i1.1607>
Article DOI: 10.21070/halaqa.v1i1.1607

Amalan Hisbah Dan Prospek Terhadap Pengurusan Akidah Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

Sophian Bin Rambli¹⁾, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi¹⁾, Imam Fauji²⁾ 

¹⁾Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu Malaysia

²⁾Universitas Muhammadiyah Sidoarjo, Jl. Mojopahit 666 B Sidoarjo, Indonesia

Informasi Artikel: Tanggal dikirim 10 April 2018 Tanggal diterima 4 Mei 2018 Tanggal online 12 Juni 2018

ABSTRACT

This paper aims to review the practice of hisbah in Malaysia and the relationship with the management of aqidah in Malaysia. Second is to know for sure the role of Islamic institutions in the practice of hisbah especially in the management of faith in the issue and challenges in the inauguration of faith in Malaysia. This study uses content analysis to discuss deep in the practice of faith and its relationship to the management of faith in Malaysia. Although in Malaysia there are institutions such as the Position of the Progress of Islamic Malaysia (JAKIM), the State Islamic Religion Council (MAIN), the State Islamic Religion (JAIN) and the State Mufti Position (JMN) do not use the term hisbah, but intipati, implementation and function the function of hisbah is carried out by Islamic agencies concerned. This study method uses content analysis to get an initial review of the role and contribution of hisbah practice in Malaysia in the issue of the management of faith in Malaysia. And also the initial observations found elements and elements of the approach of hisbah practice are very necessary and implemented in the contemporary world to deal with issues and challenges include the management of aqidah which is emphasized as a fortress rather than threats that bring impact to the mistakes and renewal of the grip of Muslims in Malaysia. Then the role and application of hisbah practice in the management of the faith is very much needed special attention, there are governments, communities and individual Muslims so that the teachings of Islam are maintained and maintained in achieving the blessings and blessings of Allah SWT.

Keywords: Hisbah Practice; Prospects; Management of Faith Issues

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk meninjau amalan hisbah di Malaysia serta hubungkait dengan pengurusan akidah di Malaysia. Kedua ialah mengenal pasti peranan institusi Islam dalam pengamalan hisbah terutama dalam pengurusan akidah dalam mendepani isu dan cabaran dalam pengukuhan akidah di Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis kandungan bagi membincangkan secara mendalam amalan akidah dan hubungannya dengan pengurusan akidah di Malaysia. Walaupun di Malaysia terdapat institusi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti Negeri (JMN) tidak menggunakan istilah hisbah, akan tetapi intipati, pengamalan pelaksanaan serta fungsi-fungsi hisbah dilaksanakan oleh agensi-agensi Islam berkenaan. Metod kajian ini menggunakan analisis kandungan bagi mendapatkan tinjauan awal terhadap peranan dan sumbangan amalan hisbah di Malaysia dalam mendepani isu-isu pengurusan akidah di Malaysia. Dan juga pengamatan awal mendapati elemen dan unsur pendekatan amalan hisbah amat perlu dan dilaksanakan dalam dunia kontemporari bagi menghadapi isu dan cabaran termasuk pengurusan akidah yang dititik beratkan sebagai benteng daripada ancaman-ancaman yang membawa impak kepada kekeliruan dan kecelaruan pegangan umat Islam di Malaysia. Maka peranan dan aplikasi amalan hisbah dalam pengurusan akidah amat diperlukan perhatian khusus sama ada pemerintah, masyarakat dan individu muslim agar ajaran Islam tetap terpelihara dan terjaga dalam mencapai keredhaan dan kerahmatan Allah SWT.

Kata Kunci : Amalan Hisbah; Prospek; Pengurusan Isu-isu Akidah

HOW TO CITE: Sophian Bin Rambli, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Imam Fauji. (2018). Amalan Hisbah Dan Prospek Terhadap Pengurusan Akidah Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Halaqa: Islamic Education Journal, 2 (1), 01-11. doi:<http://dx.doi.org/10.21070/halaqa.v1i1.1607>

E-mail address: sopet77@gmail.com, imamuna.114@gmail.com

Peer reviewed under responsibility of Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.

© 2018 Universitas Muhammadiyah Sidoarjo, All right reserved, This is an open access article under the CC BY license (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

1. Pendahuluan

Hisbah berasal daripada perkataan Arab iaitu hasab yang membawa maksud meneliti, mentadbir, menghitung, meninjau, mencegah dan menahan manusia. Manakala menurut syarak pula, sebagai amalan yang bertanggungjawab meninjau, mentadbir, menyelaras dan memastikan semua kerja seseorang mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar.¹ Ia juga selari dengan tuntutan al-Quran dan kehendak Allah SWT sebagaimana dalam firman-Nya yang bermaksud:²

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang berjaya. (Surah Ali-Imran 3: 104)

Menurut sejarah, telah jelas, kemunculan Hisbah telah mula dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW, zaman khulafa al-Rasyidin, Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Abbasiyyah sehingga Kerajaan Turki Usmani. Dengan objektif yang jelas memikul tanggungjawab al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar. Selain itu, ia bertujuan untuk membentuk masyarakat yang berakhlak mulia dalam menjalankan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Untuk tujuan tersebut pelaksanaan al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar ini dilakukan secara meluas akidah, akhlak, ibadah, akhlak, politik, ekonomi, sosial, pendidikan, pentadbiran termasuk pengurusan akidah yang semesti diberi perhatian dan fokus agar agama Islam tetap terpelihara dan terjaga serta umat Islam menyakini dan berpegang kepada akidah yang benar berlandaskan ajaran Islam.

Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa peranan institusi Hisbah adalah fleksibel kerana ia mengikut keperluan negara.³ Manakala menurut Ibnu Khaldun, peranan institusi Hisbah juga adalah sebagai penyelidik dan menyiasat mengenai perkara-perkara mungkar, mengenakan hukuman dan memberi pengajaran kepada mereka yang terlibat.⁴ Selain daripada itu, Hisbah juga berperanan dalam mengurus sumber tenaga manusia dan memastikan kecekapan sektor awam terlaksana dengan baik dan berkesan. Antaranya:

- a. Penggunaan Tenaga Manusia
- b. Kecekapan Sektor Awam

¹ Makhsin Mardzelah, *Hisbah, Sistem Pengurusan Dan Etika Pengurusan Islam* (Sintok: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2008).

² *Al-Quran Al Karim*, n.d.

³ Mardzelah, *Hisbah, Sistem Pengurusan Dan Etika Pengurusan Islam*.

⁴ Mardzelah.

Dan juga di dalam institusi Hisbah terdapat peranan muhtasib (pelaksana dan penguatkuasa) juga melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah dan etika yang menyalahi hukum Islam. Antara bidang tugas muhtasib adalah seperti:

- a. Mengawal Perkara-perkara yang bersangkutan dengan ibadat
- b. Mengawasi Perbuatan yang tidak bermoral

Dapat dikatakan bahawa amalan hisbah mempunyai prospek iaitu kekuatan dan pengukuhan dalam urus tadbir Islam khususnya dalam pengurusan akidah kerana dalam arus perdana dan kontemporari, diperlukan pendekatan dan sistem yang saling menguatkan antara satu dengan yang lain di dalam pengurusan Islam. Dan juga objektif dan fungsi amalan hisbah mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran dapat diaplikasikan dalam dunia moden walaupun tidak menggunakan nama atau istilah hisbah, akan tetapi pelaksanaan dan pengawalan dalam hisbah ternyata dipraktikkan dalam sistem pengurusan Islam termasuk mendepani isu-isu akidah dan pemikiran semasa. Maka amalan hisbah sangat relevan, signifikan dan mempunyai prospek yang sangat bermanfaat dalam pengurusan akidah di Malaysia.

Kajian berkenaan dengan amalan hisbah terhadap pengurusan isu-isu akidah tidak banyak dibincangkan dalam penelitian secara khususnya mengenai aspek pegangan akidah. Walaupun demikian terdapat beberapa kajian terdahulu menfokuskan beberapa aspek mengenai hisbah secara umum dan perspektif yang berbeza antaranya:

Kajian yang dilakukan oleh Mardzelah Makshin iaitu membincangkan Hisbah sebagai Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Etika yang mana menjelaskan tentang aplikasi al-amr bi al-makruf wa al'nahu an al-munkar. Hisbah dilihat mempunyai keistimewaan mendidik masyarakat Islam sentiasa patuh perintah Allah SWT dengan berhati-hati, berwaspada, mempertikaikan setiap amalan yang mungkar. Dengan kata lain, ia memastikan pelaksanaan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya, telah dibentuk dalam suatu pendekatan dan strategi pengawasan, pengawalan serta penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan dalam bentuk Hisbah. Oleh itu, kesedaran sebagai umat Islam agar memahami Hisbah amat penting untuk mengetahui kepentingannya dalam sistem dan etika pengurusan Islam dan diri sendiri.⁵

⁵ Mardzelah.

Seterusnya pula, kajian yang dilakukan oleh Syahrul Faizaz Abdullah (2003) iaitu *Institusi Hisbah Dalam Sistem Islam, Suatu Kajian Mengenai Sejarah Dan Pelaksanaannya Di Direktorat Penguatkuasa DBKL* menjelaskan bahawa Institusi Hisbah ini telah kehilangan fungsi dan kewibawaan akibat kejatuhan empayar Islam. Dan juga semakin dilupakan dalam dunia moden hari ini, peranannya telah dipecahkan dan di ambil alih oleh kementerian-kementerian dan institusi-institusi yang berbeza untuk melaksanakan tugas tersebut. Maka kajian ini menfokuskan peranan dan fungsi institusi hisbah dalam pelaksanaan mengawasi aspek-aspek perbandaraan meliputi masyarakat Islam seharian dalam bidang sosio-ekonomi, pentadbiran, kesihatan, pendidikan, kemudahan awam, aspek ibadah dan akidah Islam dalam tamadun Islam. Justeru, kajian ini juga membuat perbandingan pelaksanaan institusi penguatkuasaan undang-undang dalam sistem Pentadbiran Moden iaitu Direktorat Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di mana melihat persamaan dan perbezaan di antara kedua institusi ini akan dikenal pasti, terutama fungsi, bidang kuasa dan pegawai pelaksanaannya. Kajian ini membantu dalam aspek lain, dan tidak menfokuskan kepada aspek agama secara khusus iaitu pengukuhan dan pemerkasaan pegangan akidah di Malaysia.

Manakala kajian berikutnya pula oleh Abdul Qahhar Ibrahim ed.al.⁶, iaitu *Konsep Hisbah Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam MAIS Dan JAIS Di Negeri Selangor Darul Ehsan*, membincangkan konsep hisbah dan pengurusan hal ehwal Islam (PHEI) di Selangor meninjau elemen-elemen dalam pelaksanaan konsep hisbah di institusi Islam. Dan juga untuk memastikan pengurusan hal ehwal Islam yang berdaya maju dan berkesan, amat penting bagi menjana kemajuan masyarakat Islam perlu memperhatikan pendekatan dan strategi yang kukuh dan mantap iaitu antara sistem hisbah yang pernah dipraktikkan zaman kegemilangan Islam terdahulu. Justeru, untuk mencapai al-Falah bagi kebahagiaan dunia dan akhirat,

Seterusnya kajian oleh Mohd Miqdad Aswad Ahmad ed.al.⁷ pula mengenai *Pemerkasaan Masjid Melalui Sistem Hisbah* iaitu Masjid merupakan sarana alternatif dalam pelaksanaan sistem hisbah dalam merencanakan sistem pengurusan dan pengawasan hal ehwal Islam di Malaysia. Konsep Hisbah masih relevan diaplikasikan pada masa kini khususnya dalam memperkasakan peranan masjid sebagaimana yang dilaksanakan di zaman kegemilangan Islam. Penstrukturan organisasi masjid perlu dinilai semula bagi memastikan ianya mampu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai salah satu institusi hisbah di Malaysia.

⁶ Abdul Qahhar Ibrahim, "Konsep Hisbah Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam MAIS Dan JAIS Di Negeri Selangor Darul Ehsan," *Al-Anwar* 1, no. 3 (2017).

⁷ Mohd Miqdad Aswad Ahmad, "Pemerkasaan Masjid Melalui Sistem Hisbah," *E-Acedemia Journal UiTMT* %, no. 2 (2016), <http://journale-academiauitmt.edu.my/>.

Manakala Muhammad Syakir Abu Bakar⁸ *Implementation Hisbah In Malaysia In The Present, Development And Obstacles*, membincangkan institusi hisbah mengalami kemunduran dan kehilangan fungsinya dan ia perlu diberi perhatian yang serius kerana kegagalan melaksanakannya akan mengundang kepada pelbagai natijah buruk yang akan menimpa umat Islam keseluruhannya. Dan juga bagi keadaan di Malaysia pula, kajian ini menyatakan bahawa perkembangan pelaksanaan institusi hisbah di Malaysia perlu diperkasakan dan diperkukuhkan dengan menggunakan platform yang sedia ada serta bersinergi antara satu dengan lain agar menjadi agen atau badan pencegahan segala kemungkaran disamping menganjurkan kebaikan sebanyak mungkin. Kajian ini bersifat umum dan perlu kepada kajian lanjutan dan terperinci.

Seterusnya Kajian oleh Azrin Ibrahim⁹ iaitu *Kepentingan Hisbah Dan Amalannya Di Malaysia*, menjelaskan bahawa perlunya pemahaman, penghayatan dan pengamalan hisbah secara holistik oleh institusi-institusi yang ada pada hari ini agar matlamat hakiki pengurusan secara Islam dapat dicapai. Di samping itu juga, menurut beliau, pengamalan hisbah secara komprehensif dan holistic juga diyakini menjadi wasilah untuk meminimumkan permasalahan yang wujud khususnya di institusi-institusi pembangunan. Ini juga memandangkan hisbah merupakan pewarisan sistem yang pernah menjulang kejayaan dan kegemilangan yang harus dipertahankan walaupun dunia kontemporari kian mencabar dan ancaman untuk memburukkan keadaan umat Islam agar jauh daripada pegagan agama perlu dihindari. Mekanisme sistem hisbah juga memperlengkapkan daya saing dalam pengurusan Islam khususnya hal ehwal Islam dalam kehidupan umat Islam. Dengan perbincangan mengenai sorotan kajian terdahulu, dan pemebaran sebelumnya menunjukkan tidak terdapat kajian mengenai amalan hisbah dalam pengurusan akidah di Malaysia. Maka adalah satu keperluan untuk melakukan kajian lanjutan untuk memperincikan dan memperluaskan khazanah tradisi keilmuan khususnya penyelidikan mengenai amalan hisbah di Malaysia khususnya terhadap pengurusan akidah di Malaysia.

2. Perbincangan

Hisbah adalah satu pendekatan dalam melaksanakan amar makruf iaitu apabila zahir peninggalannya dan nahi mungkar apabila zahir perlakuannya. Ia merupakan bidang kuasa asasi bagi pemerintahan Islam. Tugas menjaga agama ini merupakan tugas pertama yang dipertanggungjawabkan ke atas negara Islam, Dalam membincangkan amalan hisbah di

⁸ Mohammad Syakir Abu Bakar, "Cabaran Institusi Hisbah Dalam Dunia Kontemporari Serta Usaha-Usaha Bagi Memperkasakannya," *Jurnal Ilmiah*, no. jilid 6 (2016): 55–68.

⁹ Bakar.,

Malaysia, pelbagai pengkaji menyebutkan bahawa implementasi konsep hisbah telah di amalkan walaupun tidak menyatakan adalah konsep hisbah secara hakiki. Namun praktik dan amalannya juga membawa maksud untuk mengajak kepada kebaikan (amar makruf) dan mencegah keburukan (nahi al munkar).

Mengenai pengurusan akidah termasuk isu-isu akidah semasa dan pemikiran semasa juga dilihat pihak seperti JAKIM, MAIN, JAIN, JMN, PDRM dan NGO-NGO yang bekerjasama untuk memelihara dan menjaga akidah umat Islam daripada terancam juga berperanan dan memberi sumbangan sama ada pengawalan, pengawasan, memberi pemahaman serta bidang kusa untuk penguatkuasaan bagi tujuan mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran. Adalah suatu kewajaran untuk pihak kerajaan dan swasta bergantung bah u dan bekerjama dalam hal-hal kebaikan dan menjauhi hal-hal keburukan dan kejahatan.

Sejak kebelakangan ini berlaku isu dalaman di Malaysia dan luaran yang berhubung kait dengan pegangan umat Islam mula mempersoalkan kredibiliti, kewibawaan dan relevansi termasuk agensi Islam di Malaysia atas alasan ketidak puas hati terhadap pelbagai isu sama yang perkara yang kecil hingga yang besar. Dalam urus tadbir hal ehwal Islam, akidah merupakan tonggak untuk kestabilan dan kelangsungan Islam sebagai rasmi persekutuan dan bentang bagi umat Islam keseluruhannya. Jika tidak, umat Islam di Malaysia akan terdedah dan terancam dengan pengaruh-pengaruh yang boleh memecah belahkan umat Islam di Malaysia serta meruntuhkan institusi Islam yang telah lama dipertahankan oleh kerajaan yang diamanahkan kepada JAKIM, MAIN dan JAIN untuk mengetuai pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

Pengurusan bermaksud pengarah dan pengawalan sebuah kumpulan yang terdiri daripada satu atau lebih entiti untuk tujuan menyelaraskan dan mengharmonikan kumpulan tersebut untuk mencapai sesuatu maklulmat (Oxford, 2012). Akidah merupakan suatu dimensi terpenting yang membina identiti dan jati diri seseorang yang bergelar Muslim. Dan juga daripada itu, pembinaan aspek akidah yang benar dan tepat sebagaimana yang dibawa dan dikukuhkan oleh Rasulullah SAW dalam diri seseorang Muslim adalah merupakan suatu perkara yang utama dan juga perlu diberi tumpuan yang lebih fokus serta penekanan sejak awal-awal lagi dalam kehidupan seorang Muslim (Mohd Fauzi Hamat, 2003: 13-14).

Pengurusan akidah boleh difahami sebagai usaha individu, kelompok dan masyarakat Muslim untuk menguruskan akidah yang dipegangnya bagi membolehkan akidah tersebut membantunya untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.¹⁰ Kegagalan mengurus akidah dibimbangi akan menyebabkan berlakunya kecelaruan pemikiran serta seterusnya boleh membawa kepada pertembungan fizikal dalam individu, masyarakat, organisasi dan keseluruhannya.¹¹

3. Hubungan Amalan Hisbah dan Pengurusan Akidah di Malaysia

Apabila membincangkan pengamalan hisbah, secara tidak langsung juga terdapat beberapa pelaksanaan prinsip dan tujuan iaitu al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-mungkar. Hal ini kerana mengajak kepada kebaikan iaitu sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam, bertauhid serta beriman dengan rukun Iman daam ajaran Islam merupakan hal yang perlu diberi perhatian agar tidak menyimpang dari landasan syarak yang berimpak kepada melakukan kesilapan dan kemungkaran. Maka doktrin akidah merupakan asas pemikiran individu yang perlu dipertahankan. Oleh itu, ia perlu diuruskan dengan baik dan bijaksana. Kegagalan mengurus perkara ini boleh menyebabkan kekeliruan, pepecahan dan pertembungan sesama Islam¹².

Isu-isu pencemaran akidah bukanlah suatu permasalahan baru dalam sejarah umat Islam malah ramai yang terjebak dan terpengaruh adalah terdiri daripada golongan profesional. Menyingkap kembali ajaran ayah Pin, ajaran Abdul Kahar, al-Arqam merupakan contoh-contoh yang diwartakan sebagai pencemaran akidah oleh JAKIM. Justeru, JAKIM merupakan badan yang diberi mandat dan tanggungjawab sebagai penyelaras dan sekreteriat dalam mengurus hal ehwal Islam termasuk isu-isu akidah di peringkat persekutuan dan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia. Realiti semasa umat Islam yang agak tertindas di banyak kawasan di dunia memerlukan satu penjelasan akidah yang mudah dan jelas agar mengukuhkan perpaduan serta menguatkan mereka. Dan juga, dalam aspek akidah juga perlu dijelaskan bahawa akidah yang benar dan kukuh juga boleh menjadi pemangkin untuk mendorong individu melakukan amal

¹⁰ Moh Radhi Ibrahim, *Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan Muslim Bandar Baru Nilai* (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013).

¹¹ Ibrahim.

¹² Ibrahim.

soleh dan menjauhi perkara yang mungkar. Ini merupakan selari dengan kajian dan pengamatan awal bahawa amalan hisbah yang selari dilakukan oleh institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi peringkat Persekutuan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ,Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi peringkat negeri-negeri di seluruh Malaysia sangat signifikan dengan tuntutan al-amr bi al-makruf wa al-nahy ‘an al-mungkar dalam pengamalan hisbah di Malaysia.

Bidang kuasa dan kesatuan agensi Islam yang ada seperti JAKIM, MAIN, JAIN yang berautoriti mampu melaksanakan amalan hisbah di Malaysia agar pihak kestabilan dan kemakmuran umat Islam akan terjaga dan terpelihara. Sebaliknya jika tidak diberi perhatian atau diabaikan kemungkinan hal yang tidak elok akan berlaku yang menyebabkan kerugian kepada umat Islam itu sendiri. Jika diteliti antara faktor utama yang membawa kepada keadaan realiti semasa umat Islam yang dilihat lemah, berbalah sesama sendiri dan seumpamanya ialah kemungkinan salah satu faktor penyebab seperti kegagalan mereka untuk mencari titik temu dalam setiap permasalahan yang dibincangkan atau pun isu-isu akidah dan pemikiran semasa. Dan juga isu yang diperselisihkan umat Islam ialah perbezaan pandangan dalam menentukan sumber akidah, asas dan juga furuk akidah. Penjelasan yang baik dalam membezakan antara asas akidah dan huraianya perlu diambil kira dalam memberi kefahaman dan penghayatan kepada umat Islam. Ini kerana perkara ini perlu difahami, dijelaskan dan disampaikan dengan baik kepada umat Islam agar batas yang membezakan antara keimanan dan kekufuran dapat dikenal pasti dan dipersetujui secara baik dan berhemah.¹³ Sebaliknya jika tiada penjelasan, penerangan dan penyampaian kepada umat Islam, dibimbangi serta keresahan akan menimbulkan permasalahan baru yang membawa kepada keburukan kepada umat Islam. Dan juga jika tiada panduan yang jelas dalam menentukan batas-batas keimanan dan kekufuran akan ada kelompok atau golongan yang mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan umat Islam serta melemahkan mereka sama ada disedari atau pun tidak disedari.¹⁴

¹³ Ibrahim.

¹⁴ Ibrahim.

Menurut Affandi Hassan (1992) bahawa relevansi dan signifikan amalan hisbah serta hubungan dengan pengurusan akidah menurut penulis bertepatan pernyataan oleh beliau iaitu: Pengurusan dan Pentadbiran dalam Islam, ialah penyempurnaan amanah yang diterima oleh manusia daripada Allah SWT sebagai hamba dan khalifah-Nya di bumi, untuk mengerjakan amal saleh secara syura dalam organisasi. Tujuan pengurusan dan pentadbiran ialah untuk membina peradaban yang diredai Allah berlandaskan ajaran Tauhid; dengan itu pengurusan dan pentadbiran bertanggungjawab menghapuskan al-Fasad untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan juga dalam masyarakat. Dan juga matlamat pengurusan dan pentadbiran ialah mencapai al-Falah.

Amalah Hisbah memang mencatat kejayaan yang besar dalam mengangkat martabat umat Islam. Justeru rahsia dan kejayaannya tidak lain daripada ia berpandukan kepada prinsip sejagat dan nilai-nilai universal yang boleh diterima pakai pada semua keadaan dan tempat dalam ruang lingkup yang senada dengan tuntutan siyasah syar'iyah. Oleh itu. Hisbah mempunyai potensi yang cukup besar dalam pelaksanaannya yang beradaptasi dengan keperluan peredaran zaman dan keperluan persekitaran tanpa menggadaikan jati dirinya. (Auni Abdullah, 2014:278-279). Maka amat sesuai dan bertepatan dengan kajian ini mengangkat perbincangan iaitu amalan hisbah perlu diperluaskan termasuk pengurusan akidah yang diperkukuhkan dan diperkasakan agar kewibawaan agama Islam akan tetap dijunjung oleh seluruh umat Islam.

Antara Beberapa Cadangan Domain dan Unsur Penguatan Akidah (MAIS, 2015)

- a. Dipasak; iaitu menanamkan asas akidah yang kukuh yang melibatkan individu, keluarga, masyarakat dan pemerintahan. Termasuk juga aspek persekitaran, sosial, ekonomi dan pendidikan.
- b. Dibentuk; menerusi kelimuan, kepimpinan dan jalinan kerjasama yang bijak dan sistematik dalam gerak kerja Islam.
- c. Disubur; menterjemah budaya Islam, akhlak, nilai, etika disetiap lapisan masyarakat dan tamadun dan juga mensasarkan kehidupan berkualiti sama ada luaran mahupun dalaman
- d. Dilindungi; melalui penguatkuasaan undang-undang dan pembasmian elemen perosak akidah dan akhlak.

Strategi dan Pendekatan Hisbah Dalam Pengurusan Akidah:

- a. Nasihat
- b. Tazkirah'
- c. Irshad
- d. Qudwah
- e. Qiyadah
- f. Tawsiyah
- g. Islah

Kegagalan mengurus akidah dibimbangi akan menyebabkan berlakunya kecelaruan pemikiran serta seterusnya boleh membawa kepada pertembungan fizikal dalam individu, masyarakat, organisasi dan keseluruhannya¹⁵. Oleh itu, dicadangkan beberapa hal yang penting termasuk pengurusan akidah, kerana ianya merupakan satu keperluan di era globalisasi yang mencabar ini. Pihak kerajaan sangat prihatin dan memberi perhatian kepada kepentingan pegangan akidah Islamiah kerana ia merupakan salah satu kekuatan selain daripada akhlak, ibadah dan syariah. Antaranya pihak JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam Negeri yang sentiasa bersinergi dalam menangani pengurusan akidah agar dilihat mencapai kesepakatan serta mengurangkan polemik dan konflik sama ada dalaman dan luaran.

4. Penutup

Kesimpulannya adalah amalan hisbah merupakan tradisi yang diwarisi oleh tamadun Islam yang menjadi tunjang kepada penegakkan kebenaran dan menghalang kepada kebatilan. Amat sinergi sekali dalam perbincangan di dalam makalah ini iaitu dalam pengurusan akidah yang menjadi agenda terpenting dalam penentuan kejayaan umat Islam dalam kehidupan apabila pegangan akidah yang kukuh akan membentuk keperibadian dan prinsip jitu termasuk pelaksanaan dalam aspek syariah, ibadah dan syariah. Mekanisme lain juga akan terlihat dalam dimensi Iman, Islam dan Ihsan dalam merealisasikan sebagai khalifah di muka bumi. Usaha agensi-agensi Islam seperti JAKIM, MAIN, JAIN, JMN dan sebagainya berusaha mewujudkan benteng keutuhan dan memelihara akidah Islam melalui peranan masing-masing termasuk pengamalan hisbah iaitu *al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-mungkar*. Pengamalan dan pelaksanaan hisbah juga atas kecaknaan agensi, institusi dan organisasi dapat membantu pemerintah atau kerajaan dalam urus tadbir hal ehwal Islam termasuk pengurusan akidah di Malaysia.

Sesungguhnya agensi Islam mempunyai potensi yang baik dan sistematik dalam membentuk keperibadian individu, masyarakat dan pemerintah Islam ketika sistem dan amalan hisbah dipraktikkan secara holistik dan komprehensif sebagaimana pada zaman Rasulullah SAW, Khulafa al-Rasyidin dan Kerajaan-kerajaan Islam terdahulu yang berperanan dan melaksanakan amalan hisbah tersebut.

RUJUKAN

- Ahmad, Mohd Miqdad Aswad. "Pemeriksaan Masjid Melalui Sistem Hisbah." *E-Acedemia Journal UiTMT* %, no. 2 (2016). <http://journale-academiauitmt.edu.my/>.
- Al-Quran Al Karim*, n.d.
- Bakar, Mohammad Syakir Abu. "Cabaran Institusi Hisbah Dalam Dunia Kontemporari Serta Usaha-Usaha Bagi Memperkasakannya." *Jurnal Ilmiah*, no. jilid 6 (2016): 55–68.
- Ibrahim, Abdul Qahhar. "Konsep Hisbah Dan Pengurusan Hal Ehwal Islam MAIS Dan JAIS Di Negeri Selangor Darul Ehsan." *Al-Anwar* 1, no. 3 (2017).
- Ibrahim, Moh Radhi. *Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan Muslim Bandar Baru Nilai*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013.
- Mardzelah, Makhsin. *Hisbah, Sistem Pengurusan Dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Sultan Zainal Abidin, 2008.